

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

04.07.2014

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



MSWG mengalu-alukan keputusan Maxis untuk tidak membuat pembayaran dividen daripada pinjaman sebagai satu polisi untuk transformasi syarikat berterusan.

Keputusan ini merupakan satu langkah baik memandangkan secara tradisi, dividen dibayar setelah semua kewajipan operasi ditunaikan. Kami berharap para pemegang saham termasuk pemegang saham minoriti sedar bahawa meminta dividen yang berlebihan di luar kemampuan syarikat boleh mendatangkan ketegangan kepada kedudukan kewangan syarikat di masa depan.

Kod Pelabur Institusi yang telah dilancarkan minggu lepas merupakan kod pelabur institusi yang pertama di Asia Tenggara.

MSWG dengan sokongan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah diterajui bersama-sama dengan KWSP, PNB, KWAP, Lembaga Tabung Haji, LTAT, PERKESO, Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia dan Pentadbir Pencen Swasta untuk membentuk kod ini. Kod tersebut, membawa implikasi besar kepada pelabur institusi di Malaysia. Tumpuan yang lebih tinggi akan diletakkan pada isu-isu termasuk penzahiran polisi penyeliaan dan pengawasan syarikat pelaburan mereka.

Bermula dari tahun 2016, signatori Kod tersebut dikehendaki membuat laporan di laman sesawang mereka, atau laporan tahunan mengenai applikasi prinsip-prinsip Kod tersebut.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti melafazkan bahawa, "Pelabur institusi mempunyai pengaruh untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat di syarikat-syarikat. Mengambil kira saiz dan tempoh jangka panjang pegangan mereka, hanya pihak tersebut berada dikedudukan sebaik ini untuk mengawal tahap disiplin pasaran."

Turut juga Pengerusi MSWG berkata bahawa "Walaupun penggunaan Kod tersebut adalah sukarela, pelabur institusi digalakkan untuk menjadi signatori dan menerima-pakai prinsip-prinsip Kod tersebut bagi menunjukkan komitmen mereka untuk menegakkan lagi kepentingan benefisiari mereka."

Di sini saya sekali lagi ingin menggesa para pelabur institusi yang mengumpul dan melabur dana bagi pihak benefisiari mereka terutamanya dana pencen samaada awam atau swasta untuk menerima-pakai prinsip-prinsip amalan terbaik yang termaktub dalam Kod tersebut.

Akhir sekali, dalam perkara lain pula saya ingin mengetengahkan satu kes di mana seorang pengarah syarikat tersenarai telah gagal menghadiri lebih separuh daripada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam setahun.

Menurut peraturan Penyenaiaan Bursa, dalam hal sebegini, pengarah yang terbabit perlu letak jawatan sebagai pengarah syarikat.

Kegagalan syarikat untuk meminta pengarah tersebut meletakkan jawatan bermakna syarikat telah tidak mematuhi peraturan penyenaiaan. Oleh itu, kami berharap jawatan pengarah tersebut dikosongkan untuk menunjukkan komitmen syarikat terhadap peraturan penyenaiaan Bursa.

Salam,

Rita

Salam,

Rita

---

## **MSWG DALAM BERITA**

### ***MSWG URGES INSTITUTIONAL INVESTORS TO ADOPT NEW CODE***

<http://themalaysianreserve.com/main/news/corporate-malaysia/5993--mswg-urges-institutional-investors-to-adopt-new-code>

---

## **KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA**

### ***KOD PELABUR INSTITUSI MALAYSIA***

Pada 27 Jun 2014 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan MSWG telah bersama-sama melancarkan Kod Pelabur Institusi Malaysia, satu kod yang mengandungi amalan-amalan terbaik yang diterajui oleh MSWG dan dirumuskan secara kolektif oleh pelabur-pelabur institusi terbesar Malaysia iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Tabung Haji (LTH), Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia dan Pentadbir Pencen Swasta.

Kod Pelabur Institusi Malaysia bermatlamat untuk menetapkan prinsip-prinsip luas pengendalian berkesan oleh pelabur institusi, umpamanya penzahiran dasar pengendalian, pengawasan dan pembabitan dengan syarikat pelaburan serta menguruskan konflik kepentingan. Pemakaian prinsip-

prinsip kod tersebut oleh pelabur institusi menunjukkan kesungguhan mereka ke arah tadbir urus korporat yang baik.

Inisiatif untuk menggalakkan kepimpinan yang lebih besar dalam tadbir urus dan pemilikan bertanggungjawab oleh pelabur institusi adalah berasal daripada Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011 dan menandakan peristiwa penting dalam landskap tadbir urus korporat Malaysia.

Bermula dari tahun 2016, penandatanganan Kod tersebut dikehendaki membuat laporan tahunan mengenai pemakaian prinsip-prinsip Kod itu di laman sesawang, laporan tahunan atau dalam dokumen lain syarikat mereka yang boleh diakses oleh orang ramai. Satu majlis pelabur institusi akan ditubuhkan sebagai platform untuk membincangkan perkara-perkara mengenai pengendalian dan akan mengambil peranan pemantauan terhadap penerapan dan guna pakai Kod tersebut.

---

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### *CHINA STATIONERY LIMITED (“CSL”)*

Bursa Malaysia telah melalui suratnya bertarikh 1 Julai 2014 menolak permohonan Syarikat bagi lanjutan masa selama satu (1) bulan lagi daripada tarikh akhir yang telah pun diberi lanjutan sehingga 31 Julai 2014 bagi menerbitkan penyata kewangan teraudit tahunan bagi tahun 2013.

Menurut surat bertarikh 1 Julai 2014 tersebut yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia, jika CSL gagal untuk menerbitkan penyata kewangan teraudit bagi tahun 2013 dalam masa 5 hari pasaran dari tarikh tamat lanjutan masa yang diberikan (“Tarikh Penggantungan”), Bursa Malaysia akan menggantung dagangan sekuriti CSL.

Penggantungan tersebut akan berkuatkuasa pada hari pasaran selepas tamat Tarikh Penggantungan dan hanya akan didagangkan semula pada hari pasaran selepas penerbitan penyata kewangan teraudit tahunan bagi tahun 2013 melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Bursa Sekuriti. Oleh yang demikian, penggantungan dagangan akan berkuatkuasa pada 9 Julai 2014. Jika CSL gagal untuk menerbitkan penyata kewangan teraudit tahunan bagi tahun 2013 dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tamat lanjutan masa yang telah diberikan, prosedur penyahsenaraian akan dimulakan ke atas CSL.

### **KOMEN MSWG:**

Adalah mengecewakan untuk mendapati satu lagi syarikat tersenarai yang berpangkalan di China gagal untuk menzahirkan keputusan kewangan tepat pada masanya. Pengumuman syarikat di laman web Bursa menyatakan sebab awal mengapa ia tidak dapat menerbitkan penyata kewangan adalah berpunca daripada peristiwa kebakaran di premisnya. Kami berpandangan sesebuah syarikat perlu mempunyai pelan kesinambungan perniagaan sebagai sebahagian daripada rangka kerja pengurusan risiko yang mantap.

Adakah tindakan penggantungan dagangan saham sahaja satu kaedah yang efektif dan mencukupi untuk memastikan keputusan kewangan diserahkan tepat pada masanya?

---

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat [nghh@mswg.org.my](mailto:nghh@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

## **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi China Stationery Limited.*
- 

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*